

Mahathir seru ahli2 UMNO mematuhi perlembagaan

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

TELUK ANSON, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menyeru ahli-ahli UMNO mematuhi Perlembagaan bagi menjamin keutuhan parti.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Teluk Anson di sini, beliau berkata, UMNO adalah sebuah parti yang berperlembagaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan setiap satu gerakan dalam parti itu dikawal oleh peraturan-peraturan yang terdapat dalam Perlembagaan.

"Apabila peraturan itu diketepikan, maka timbulah huru-hara, akibatnya boleh melemahkan parti dan perpecahan antara ahli yang akhirnya boleh menjejaskan negara," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, UMNO adalah gabungan tenaga orang Melayu dan ia merupakan satu jentera yang boleh menggunakan sistem demokrasi untuk mendirikan Kerajaan yang adil.

"Tetapi bila kita mengumpulkan begitu ramai orang Melayu dalam parti, maka untuk menentukan, supaya

kumpulan itu dapat bergerak dengan berkesan, kita perlu mengadakan jawatan-jawatan yang mempunyai tanggungjawab yang tertentu kerana kumpulan manusia ini perlu dipimpin," katanya.

Katanya, kepimpinan itu ditentukan dengan cara-cara pemilihan yang cukup tertib.

Cara-cara pemilihan ini ditentukan oleh Perlembagaan Parti dan tidak ada cara lain yang boleh dibuat oleh ahli-ahli UMNO untuk menentukan kepimpinan itu benar-benar orang yang diberi kepercayaan.

Timbalan Perdana Menteri itu menyatakan, dalam satu-satu pemilihan, sudah tentu terdapat perbezaan pendapat dan kalau tidak ada perbezaan pendapat sudah tentu tidak ada tandingan.

"Bila terdapat perbezaan pendapat itu tidak harus menyebabkan kegunaan cara-cara yang keluar dari Perlembagaan," katanya.

"Kita tidak seharusnya membuat sesuatu yang tidak diizinkan oleh Perlembagaan, umpamanya kita tidak harus melibatkan diri dalam kegiatan rasuah untuk mendapat sokongan kerana ia membawa kepada keburukan," tambahnya.